

Cara lapuk maki hamun

Parti bertanding PRU14 dinasihati guna kaedah lebih berhemah

MOHAMMAD FAIRUZ JUMAIN

SHAH ALAM

Parti-parti politik yang akan bertanding pada PRU14 nanti dinasihati meninggalkan cara lapuk yang menggunakan maki hamun, cacian dan serangan peribadi untuk menyerang calon lawan kerana taktik ini sudah ditolak rakyat terutamanya golongan muda.

Pensyarah Kanan Pusat Penyelidikan Impak Media dan Industri Kreatif, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Dr Ahmad Saufiyyan Hasan berkata, parti-parti politik ini harus berubah dan memfokuskan usaha perangsaraf mereka dengan menyebarkan fakta dan kebenaran bagi mengambil hati dan minda rakyat serta kumpulan sasaran mereka.

Menurutnya, perangsaraf menggunakan pendekatan cinta, kasih sayang, kejujuran dan keadilan lebih mudah difahami kerana segmen masyarakat kita sudah berubah disebabkan oleh perkembangan teknologi maklumat.

"Pada hari ini, bila sebut sahaja perangsaraf, persepsi rakyat akan negatif, kerana mereka menyangka perangsaraf ini hanyalah untuk menyerang pihak lawan. Persepsi ini perlu diubah kerana perangsaraf juga adalah instrumen yang boleh digunakan untuk tujuan kebaikan.

"Seperti kata pakar perangsaraf yang terkenal ketika zaman darurat di Malaya, Tan Sri C.C Too (atau nama sebenarnya Tan Sri Dr Too Chew Chew), 'kebenaran



Dr Ahmad Saufiyyan (Idri) ketika ditemubual dalam FB Live Sinar Harian semalam.

Live FB Sinar Harian

adalah propaganda yang terbaik'. Dengan konsep ini maka kerajaan memperkenalkan program pengampunan kepada militan komunis, maka ribuan anggota komunis menyerah kalah sekaligus memusnahkan ideologi tersebut," katanya ketika diundang menjadi panel Facebook Live Sinar Harian, semalam yang mengupas tajuk 'Perangsaraf Menjelang PRU14'.

Kata Ahmad Saufiyyan lagi, pada hari ini, ketika pilihan raya umum semakin dekat, semakin banyak penyebaran berita yang tidak benar dan menggugat keharmonian, dan kebanyakan berita-berita ini dipercayai oleh rakyat.

"Bagi saya, strategi terbaik bagi parti politik adalah memastikan fakta dan kebenaran mudah didapati oleh pengguna media sosial. Unit perangsaraf mereka perlu guna fakta dan kebenaran sebagai tunjang utama bagi mempengaruhi kumpulan sasaran.

"Selain itu, mereka kena mengetahui kumpulan sasaran kerana pada hari ini masyarakat sudah berpecah kepada banyak segmen-segmen kecil kerana perkembangan teknologi maklumat. Sebagai contoh golongan muda, ramai antara mereka sekarang meminati sukan dan permainan

video, maka mereka kena bermula dari situ. Ini adalah satu bentuk propaganda yang jelas," katanya.

Suara rakyat lebih didengari

Sementara itu, Ahmad Saufiyyan turut menegaskan operasi dan strategi perangsaraf hari ini amat mencabar kerana sifat media sekarang yang lebih demokratik dan membuka peluang rakyat menyuarakan pendapat, tidak seperti media konvensional yang lalu.

"Rakyat sekarang boleh menyertai perbincangan dalam apa-apa sahaja isu secara terus di media sosial, jadi bagaimanakah cara terbaik bagi pihak parti atau kerajaan memastikan perangsaraf mereka berjaya? Mereka perlu membina jaringan perangsaraf yang berkesan dan yang paling penting adalah tinjauan dengan data yang efisien bagi membuat produk perangsaraf yang berkesan," katanya.

Selain itu, rakyat Malaysia hari ini sudah mempunyai kesedaran politik yang tinggi dan tahu peranan mereka bagi memastikan parti-parti tidak kira kerajaan mahupun pembangkang menjadi parti yang bekerja untuk rakyat.

"Bila kesedaran politik tinggi, rakyat akan mempunyai banyak persoalan, lagipun pada hari ini golongan muda majoritinya berpendidikan tinggi, jadi mereka tahu apa yang mereka mahu," katanya.